

CNS8104

U GB 12-10 00147 BA516

BAH

PEMILIHAN UMNO PERINGKAT BAHAGIAN DAN MT DIJ,ALANKAN SERENTAK
Mahathir - UMNO

KUALA LUMPUR, 12Okt(Bernama)-- Semua pemilihan jawatankuasa UMNO di peringkat bahagian di seluruh negara kecuali Sabah, yang sepatutnya diadakan tahun depan, ditundakepada 1993, kata Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang bermesyuarat hari ini memutuskan demikian bagi mengelakkan +politiking+ sepanjang masa sehingga tahun pemilihan anggota MT pada 1993.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu di sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sekiranya pemilihan di peringkat bahagian diadakan berasingan daripada tahun pemilihan MT, anggota dikhuatiri akan berkempen secara berlebihan.

Pemilihan di peringkat cawangan diadakan tahun ini.

Keputusan mengadakan pemilihan dalam satu tahun juga dibuat bagi memperkukuhkan kedudukan UMNO serta mengelakkan anggota mengejar faedah untuk diri sendiri dan mengabaikan kepentingan parti. -- Lagi.

♥12/10/18-57MST

CNS8106

U GB 12-10 00155 BA517

BAH

Mahathir - UMNO 2 Kuala Lumpur

Mengenai pemilihan Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO.. Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pindaan akan dibuat ke atas perlembagaan parti pada perhimpunan agung bulan depan bagi membolehkan pertandingan diadakan.

Pada masa kini, kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan. Bagaimanapun pemilihan hanya boleh dijalankan setahun selepas pindaan dibuat.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengumumkan nama empat orang pemegang harta UMNO bagi menggantikan pemegang harta yang lama. Pemegang harta tersebut ialah beliau sendiri, Timbalan Presiden, Encik Ghafar Baba, Setiausaha Agung, Datuk Mohamed Rahmat dan Bendahari,, Tun Daim Zainuddin.

Perlantikan mereka dibuat dua bulan lepas dan disahkan hari ini.

Pemegang harta UMNO sebelum ini ialah Datuk Seri Dr Mahathir, bekas Timbalan Presiden, Datuk Musa Hitam, bekas Setiausaha Agung, Datuk Seri Sanusi Junid dan Bendahari, Tun Daim.

Perlantikan baru itu juga membolehkan UMNO mendapatkan harta baruan dan menuntut harta lama. -- Lagi.

♥12/10/19-01MST

CNS8109 . - -

U GB 12-10 00133 BA518

BAI-I

Mahathir - UMNO 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Perhimpunan Agung UMNO bulan depan akan membahaskan hanya dua usul berbanding dengan perhimpunan-perhimpunan sebelumnya.

Ini bagi memberi peluang kepada lebih daripada seorang perwakilan daripada setiap negeri membahaskan usul-usul tersebut.

Katanya, usul-usul yang akan dibahaskan ialah ucapan terima kasih kepada ucapan dasar presiden dan ekonomi.

Bagaimanapun, kata beliau, usul ucapan terima kasih kepada ucapan dasar presiden akan merangkumi juga usul-usul biasa seperti pendidikan dan agama.

Katanya, usul pendidikan dan agama tidak lagi dibahaskan secara bersendirian seperti perhimpunan-perhimpunan sebelumnya manakala usul ekonomi pula akan tertumpu kepada Wawasan 2020.

Usul ucapan terima kasih kepada ucapan dasar presiden akan dibawa oleh Pergerakan Pemuda UMNO manakala usul ekonomi oleh Pergerakan Wanita UMNO. -- Lagi.

♥12/10/19-12MST

CNS8110

U GB 12-10 00141 BA519

BAI-I

Mahathir - UMNO 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai ucapan dasarnya pada perhimpunan agung itu, beliau berkata, ucapan presiden akan menyentuh pelbagai aspek seperti perhimpunan-perhimpunan sebelumnya.

Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang berlangsung selama kira-kira dua setengah jam itu juga menerima permohonan empat orang anggota Parti Semangat 46 untuk menyertai semula UMNO.

Mereka yang diterima semula ialah Anggota Jawatankuasa Perhubungan Semangat 46 Negeri Selangor, Datuk Mohd Shahir Abdul Majid, Timbalan Ketua Semangat 46 Bahagian Merbok, Encik Mohd Johari Abidin, anggota Semangat 46 Selayang, Encik Ali Ampiran dan anggota Semangat 46 negeri Kelantan, Wan Mohd Wan Bakar.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan akan menganjurkan Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga dengan kerjasama Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia Disember ini.

Katanya, usaha sedang dijalankan untuk menyusun tajuk-tajuk yang akan dibincangkan pada kongres itu, -- Bernama.

♥12/10/19-14MST